



ABDULLAH
AHMAD BADAWI

jalan
ke puncak

sivamurugan pandian

Isi

<i>Serumpun Ungkapan</i>	vii
<i>Prakata</i>	ix
1 Kepimpinan dan Warisan Kepimpinan	1
2 Abdullah Badawi – Perdana Menteri dan Presiden UMNO	17
3 Abdullah Penentu Kejayaan Barisan Nasional	35
4 Analisis Keputusan Pilihan Raya 2004: Mandat dan Harapan Besar Mengurus Kejayaan	43
5 Masa Depan UMNO dan Orang Melayu di bawah Abdullah	51
6 Kesimpulan: Bermula Era Badawirisme – <i>RIGHT Leader</i>	58
<i>Bibliografi</i>	67
<i>Lampiran 1</i> Kronologi Latar Belakang dan Karier Abdullah	70
<i>Lampiran 2</i> Ucapan Sulung YAB Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia di Parlimen pada 3 November 2004 ‘Mewarisi Kejayaan’ (Usul Ucapan Terima Kasih kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad)	72
<i>Lampiran 3</i> Ucapan Sulung YAB Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Presiden UMNO di Perhimpunan Agung UMNO yang ke-55, pada 23 September 2004 di Pusat Dagangan Dunia Putera (PWTC) ‘Melangkah ke Hadapan – Meneroka Kecemerlangan’	84

<i>Lampiran 4</i>	115
Transkripsi Ucapan Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi pada Sesi Penggulangan di Perhimpinan Agung UMNO ke-55, pada 25 September 2004 'Melayu Hidup Biar Bermartabat'	
<i>Lampiran 5</i>	130
Ucapan Sulung YAB Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia Selaku Pengerusi Non-Aligned Movement dan Islamic Summit Conference di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 26 September 2004 'Multilateralism the Way Forward'	
<i>Lampiran 6</i>	137
Ku Cari Damai Abadi (Sajak oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada Malam Puisi Utusan ke-10, 9 Mei 2003 di Auditorium DBKL)	
<i>Biodata Penulis</i>	138

Serumpun Ungkapan Naib Canselor

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Saya berbesar hati kerana diberi peluang untuk menyampaikan sepatah dua kata dalam buku ini yang mengisahkan perjalanan seorang pemimpin cegal sehingga diamanahkan sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelima.

Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi merupakan warisan kepimpinan negara yang mempunyai keistimewaan luar biasa melalui cerminan sifat kesederhanaannya. Kepimpinan Abdullah walaupun masih dianggap baru, beliau telah sememangnya disegani oleh masyarakat tempatan dan kini mula mendapat perhatian rapi masyarakat antarabangsa. Tun Dr. Mahathir Mohamad sesungguhnya telah memilih seorang pengganti yang berkebolehan dan berwibawa. Ini jelas terpapar apabila Abdullah mengambil tampuk kepimpinan negara.

Saya percaya penerbitan buku ini akan membolehkan pembaca terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat mengenali Perdana Menteri yang juga merupakan Presiden UMNO dan Pengerusi Barisan Nasional dengan lebih rapat lagi. Abdullah seorang ahli biasa UMNO di Kepala Batas, kemudiannya menjadi ahli Parlimen sehingga berjaya menduduki kerusi No. 1 negara. Namun, jalan ke puncak bukan suatu perjalanan yang mudah kerana banyak cabaran dan dugaan yang dilaluinya tetapi beliau tetap tenang dan tabah dan terus berpegang dengan prinsip untuk mempertahankan kepentingan agama, bangsa dan tanah air dan bukan dirinya.

Saya yakin bahawa buku ini akan diletak sebaris dengan buku-buku lain yang telah diterbitkan sejurus selepas beliau men-